

TARIKH : 1.8.2019 (KHAMIS)
MEDIA : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 37

Khazanah raih untung melalui penjualan aset di Singapura

Kuala Lumpur: Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) bakal memperoleh keuntungan yang tinggi melalui penjualan aset hartanahnya di Singapura bernilai S\$1.575 bilion (RM4.74 bilion).

Pengarah Urusan Khazanah Datuk Shahril Ridza Ridzuan berkata, penjualan itu menghasilkan keuntungan kepada sayap pelaburan kerajaan itu, namun nilai sebenar keuntungan tidak dapat didedahkan.

"Kami tidak dapat mendedahkan berapa banyak keuntungan yang dibuat kerana tertakluk kepada kerahsiaan dengan pemegang saham yang lain," katanya ketika dihubungi, semalam.

Shahril Ridza berkata, penjualan aset hartanahnya itu adalah berdasarkan kepada harga tawaran yang paling menarik diterima daripada pembida yang mengambil bahagian.



SHAHRIL

"Apabila urusan penjualan itu diselesaikan kelak, hasil yang diperoleh akan digunakan untuk membayar semula hutang pembangunan dan lebihannya akan dibayar kepada pemegang saham sebagai dividen," katanya.

Khazanah baru-baru ini melalui M+S Pte Ltd (M+S) bersetuju untuk menjual semua kepentingannya da-

lam anak syarikat milik perniagaannya, Ophir-Rochor Commercial Pte Ltd (ORC) kepada Allianz Real Estate dan Gaw Capital Partner (Gaw).

M+S adalah pemaju harta tanah yang dimiliki secara bersama oleh Khazanah dan Temasek Holdings Private Ltd menerusi pegangan 60:40.

ORC pula adalah pemaju dan pemilik Duo Tower dan Duo Galleria, manakala Capitaland, Ltd dan UEM Land Holdings, sebuah anak syarikat UEM Sunrise Bhd adalah pengurus projeknya.

Aktiviti utama M+S adalah pembangunan harta tanah di Singapura, khususnya di dua lokasi.

Mengulas lanjut, Shahril Ridza berkata, pembangunan Duo terdiri daripada komponen pembangunan bercampur iaitu kondominium, pejabat dan hotel.

Scanned with CamScanner